



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 20  
Bil. 17

12hb Ogos, 1976

TAMBAHAN No. 14  
PERUNDANGAN

Pg. P.U. 49.

## UNDANG-UNDANG KECIL MENCEGAH KEKOTORAN KERAJAAN TEMPATAN SEBERANG PERAI, 1975

BAHAWASANYA sebagai menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Akta 13 dan  
seksyen-seksyen 58 (1) (h) dan 58 (2), Ordinan Perbandaran  
dan seksyen 6 (2) Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan Sementara).  
1973, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai pada  
Mesyuarat Khas Lembaga yang telah beradang pada 27hb Mac, 1975,  
telah meluluskan Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran Kerajaan  
Tempatan Seberang Perai, 1975 (yang mana selepas ini dirujuk sebagai  
"Undang-undang Kecil tersebut");

Dan bahawasanya mengikut seksyen 58 (4), Ordinan Perbandaran,  
Undang-undang Kecil tersebut telah disiarkan di dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum ianya disahkan dan diluluskan melalui Pemberitahu Warta Kerajaan No. 226 tahun 1975 pada 8hb Mac, 1975;

Oleh itu maka sekarang ini pada menjalankan kuasa-kuasa yang dibersikan oleh seksyen 58 (4), Ordinan Perbandaran, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan dan meluluskan Undang-undang Kecil ini seperti berikut:

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1975 dan akan dikenakan kepada kawasan-kawasan sepertimana yang ditafsirkan di dalam Jadual.
2. Untuk maksud Undang-undang Kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya mengkelihandi makna yang lain—
  - (a) "bangunan" ertiinya mana-mana rumah, pondok, setal, bangsal atau kandungan yang berbumbung samada digunakan untuk tujuan kediaman atau selainnya dan mana-mana dinding, pagar, rangka, papan dinding, slip, dock, dermaga, pengkalan, jeti, tempat perhentian atau jambatan atau mana-mana struktur, tempat berjijak atau asas yang berkaitan kepada yang tersebut di atas;
  - (b) "Pengerusi" ertiinya Pengerusi, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai;
  - (c) "sampah-sarap kebun" ertiinya sampah-sarap daripada kebun dan sampah-sarap daripada pertanian;

- (d) "Pegawai Kesihatan" ertiinya pegawai yang pada masa ini menjalankan tugas seorang Pegawai Kesihatan, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai;
- (e) "kekotoran" ertiinya mana-mana habuk, kekotoran, pasir, tanah, batu kelikir, tanah liat, batu kertas, abu, bangkai, sampah-sarap, daun dan ranting, rumput, jerami, kotak, tong, bendela, cikuran, habuk gergaji, sampah-sarap kebum, sampah-sarap kandang, sampah-sarap tred, baja, sampah, botol, gelas, tin, bekas makanan, pembalut makanan, sisa-sisa makanan atau benda-benda lain atau barang-barang;
- (f) "pasar" ertiinya mana-mana tempat selain daripada kedai yang digunakan untuk menjual binatang-binatang atau daging, ikan, buah-buahan, sayur-sayuran, binatang ternakan, telur atau bahan-bahan makanan atau minuman dan juga untuk menjualkan barang-barang perdagangan dan termasuk semua tanah dan premises yang digunakan untuk tujuan tersebut atau yang berkaitan dengannya;
- (g) "penghuni" ertiinya orang yang menduduki mana-mana premises atau menjaga, menguruskan atau mengawalnya samada untuk dirinya sendiri atau sebagai ajen untuk orang lain tetapi tidak termasuk penumpang;
- (h) "pemunya" ertiinya orang yang pada masa ini menerima sewa mana-mana premises samada untuk dirinya sendiri atau sebagai ajen atau pemegang amanah atau sebagai penerima atau yang menerimanya jika tanah atau rumah itu terdiri di dalam premises-premises yang disewakan kepada penyewa;
- (i) "tempat hiburan orang ramai" ertiinya sebuah bangunan atau ditakrifkan atau tempat yang bertutup yang digunakan atau dibina atau digunakan samada secara biasa atau kadangkalanya sebagai gereja, capel, masjid, rumah berhala atau tempat lain di mana orang ramai beribadat atau upacara ugama dilakukan bukan sahaja sebuah rumah kediarnan digunakan atau sebagai pawargam, panggung, dewan orang ramai, bilik sandiwara orang ramai, tempat menari orang ramai, bilik syarahan orang ramai atau bilik pamiran orang ramai atau sebagai sebuah tempat orang ramai berhimpun untuk orang-orang yang dibenarkan masuk dengan tiket atau selainnya atau digunakan atau dibina atau digunakan samada secara biasa atau kadangkalanya untuk tujuan-tujuan yang lain;
- (j) "pasar suwa" ertiinya sebuah pasar selain daripada pasar awam dan termasuk supermarket;
- (k) "pasar awam" ertiinya sebuah pasar sendiri, disewakan atau diselenggarakan oleh Pengurusi;
- (l) "tempat awam" termasuklah tiap-tiap jalan raya awam, lebuh, jalan, jambatan, medan, lorong, jalan namkaki, siarkaki, perarakan, dermaga, jeti, pengkalan, taman awam atau tanah lapang dan tiap-tiap pawargam, perlbagai jenis tempat hiburan awam atau tempat-tempat hiburan awam am di mana dikenakan pembayaran untuk memasukki ke dalam atau di mana orang ramai keluar-masuk;
- (m) "pemegang gerai" ertiinya berkaitan dengan sebuah pasar awam seorang yang dilesenkan oleh Pengurusi untuk menjual di dalam kawasan pasar awam dan berkaitan dengan sebuah pasar suwa sesorang yang dibenarkan oleh pemegang lesen pasar suwa untuk menjual di dalam kawasan pasar suwa dan di dalam kedua-dua hal termasuklah orang yang menjaga gerai-gerai tersebut;

- (n) "sampah-sarap kandang" ertiinya tahi atau kencing kuda, lembu, kambing atau babi dan menyapu atau membuangkannya daripada mana-mana kandang atau bangsal lembu atau tempat-tempat untuk menyimpan kambing, babi atau binatang ternak;
- (o) "lebuh" ertiinya mana-mana jalan, gerbang, siarkaki, lorong belakang atau laluan samada boleh dilalui atau tidak di manapun orang ramai berhak untuk berjalan dan juga jalan di atas mana-mana jambatan dan juga termasuk mana-mana jalan, laluan atau lalu tempat terbuka atau lorong terbuka yang digunakan atau bertujuan untuk digunakan sebagai cara untuk memasuki kepada dua bangunan atau lebih samada orang ramai berhak untuk berjalan disana atau tidak dan semua saluran, pintu, longkang dan reserve di tepi mana-mana lebuh yang dianggap sebagai sebahagian daripada lebuh tersebut;
- (p) "sampah-sarap tred" ertiinya sampah-sarap daripada mana-mana tred, buatan atau perniagaan atau daripada mana-mana pembinaan bangunan;
- (q) "kenderaan" ertiinya mana-mana kenderaan samada bermotor atau yang tidak bermotor.

3. Sesiapa yang—

- (a) menempatkan, menyimpan atau membuang atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan, disimpan atau dibuang mana-mana kekotoran di mana-mana tempat awam;
- (b) mengeringkan mana-mana bahan-bahan makanan atau barang-barang lain atau benda-benda di mana-mana tempat awam;
- (c) membuangkan, menempatkan, menumpah atau menaburkan mana-mana darah, air masin/garam, "swill", cecair yang membahaya atau bahan-bahan yang mencabul atau yang kotor yang mana akan melalui ke mana-mana tempat awam;
- (d) menitik, meoumpah atau menaburkan mana-mana kekotoran, pasir, tanah, batu kelikir, tanah liat, tanah gembur, batu, rumput, jerami, cukuran, habuk gergaji, abu, sampah-sarap kebatu, sampah-sarap kandang, sampah-sarap tred, baja, sampah atau benda-benda atau barang-barang lain di mana-mana tempat awam samada daripada kenderaan yang bergerak atau yang tidak bergerak atau dalam mana-mana cara yang lain;
- (e) mengayak, mengoncang, membersihkan, mengacau atau seterusnya mengacaukan mana-mana kapur, abu, pasir, urang, rambut, kertas yang tidak berguna, bulu atau bahan-bahan lain dalam satu cara yang tertentu bahawa ianya dibawa atau mungkin dibawa oleh angin kepada mana-mana tempat awam;
- (f) membuangkan atau meninggalkan di belakang mana-mana botol, gelas, tin, bekas makanan, pembalut makanan, mukus atau mana-mana benda-benda lain atau barang-barang di mana-mana tempat awam;
- (g) semasa pembinaan, perbaikan atau meruntuhkan mana-mana bangunan atau pada bila-bila masa menyimpan, menitik, meninggalkan atau menempatkan atau menyebabkannya disimpan, dititik, ditinggalkan atau ditempatkan di dalam atau di mana-mana tempat awam mana-mana batu, simen, tanah, pasir, kayu atau bahan-bahan bangunan, benda atau bahan-bahan lain atau gagal untuk mengambil langkah keselamatan yang sesuai untuk

mengejarkan bahaya kepada nyawa, kesihatan atau untuk kepentingan orang ramai yang menggunakan mana-mana tempat awam daripada habuk yang berterangan atau sisa atau keping yang jatuh atau daripada mana-mana benda-benda lain;

adalah memaklumkan satu kesalahan.

**Anggapan  
kepada  
Pesalah.**

4. Untuk tujuan Undang-undang Kecil 3 (a) di mana benda itu menitik, menumpah daripada sebuah kenderaan atau menitik atau menumpah daripada pemunya kenderaan itu akan dianggap melakukan kesalahan itu kecuali dibuktikan.

**Penghuji  
tanah/  
bangunan  
akan  
dikenakan.**

5. Di mana terdapat mana-mana habuk atau bahan-bahan lain di dalam Undang-undang Kecil yang tersebut disimpan di dalam mana-mana tempat yang bertentangan dengan Undang-undang Kecil ini daripada mana-mana bangunan atau tanah atau air atau bahan-bahan yang mencabul melalui atau telah dibuangkan atau ditempatkan di dalam mana-mana lebuh atau parit yang bertentangan dengan Undang-undang Kecil ini, adalah dianggap bahawa kesalahan ini dilakukan oleh atau dengan kebenaran penghuni bangunan atau tanah tersebut.

**Tempat  
buang air  
kecil atau  
tandas  
dipasangkan  
kepada  
tempat  
minuman,  
ds**

6. Di mana rumah awam, kedai makanan, bilik minuman, panggung, pewargam, pamiran atau tempat hiburan awam tidak ada tempat membuang air kecil atau tandas atau tidak dipasangkan kepadanya. Pengerusi boleh dengan notis yang bertulis mengkehendaki tuanpunya premises tersebut menyediakan dan menyelenggarakau satu atau tempat buang air atau tandas yang lebih di dalam tempat yang sesuai.

Mana-mana tuanpunya yang gagal menuaikan dengan notis tersebut di bawah seksyen ini dalam masa yang ditentukan di dalamnya adalah melakukan satu kesalahan.

**Kehendak  
kepada  
bangunan  
di mana  
orang ramai  
menggunakan.**

7. (i) Tuanpunya, penghuni atau penghuni mana-mana bangunan atau sebahagian daripadanya di mana orang ramai menggunakan mesti:

(a) selalunya mencuci dan mencuci sehingga bersih dan di dalam keadaan yang baik mana-mana bangunan atau sebahagian daripadanya; dan

(b) menjaga bangunan tersebut atau sebahagiannya bebas daripada membahayakan nyawa atau kesihatan ketatangannya, orang ramai dan juga penggunanya.

(ii) Di mana pada pendapat Pengerusi, tuanpunya, penghuni atau penyewa bangunan tersebut atau sebahagian daripadanya gagal menuaikan dengan perenggan (i) (a) atau (b) Undang-undang Kecil ini, Pengerusi mungkin dengan notis yang bertulis mengkehendaki tuanpunya, penghuni atau penyewa tersebut dalam masa yang ditentukan di dalamnya mengambil langkah-langkah yang perlu di mana Pengerusi anggap perlu.

(iii) Sesiaapa yang melanggar mana-mana peruntukan perenggan (i) (a) atau (b) dalam Undang-undang Kecil ini atau enggan, lalai atau gagal menuaikan dengan mana-mana notis yang dikeluarkan oleh Pengerusi di bawah peruntukan-peruntukan perenggan (ii) Undang-undang Kecil ini dalam masa yang ditentukan di dalamnya adalah melakukan satu kesalahan.

(iv) Sesiaapa yang diberikan notis di bawah perenggan (ii) Undang-undang Kecil ini gagal menuaikannya. Pengerusi mengikut budibicaranya tanpa mudarat kepada mana-mana perjalanan di bawah Undang-undang Kecil ini menjalankan semua atau mana-mana kkhendak-kehendak yang tertera di dalam notis tersebut dan menuntut daripada orang tersebut kos dan perbelanjaan tersebut.

(v) Pengerusi mestilah mengesahkan kos dan perbelanjaan dan sijil Pengerusi adalah bukti yang muktamad kepada jumlah yang dikenakan. Jumlah tersebut akan dianggap sebagai satu hutang kepada Lembaga.

8. (i) Tiap-tiap pemegang lesen pasar suwa atau awam mestilah menjaganya supaya bersih dan di dalam keadaan bersih.

Kebersihan pasar dan gerai.

(ii) Tiap-tiap pemegang gerai mestilah menjaga pondok, setal, kan-dang atau tempat dan keadaan di sekelilingnya bersih dan di dalam keadaan bersih.

(iii) Di mana pada pendapat Pengerusi, pemegang lesen pasar suwa atau pasar awam atau pemegang gerai gagal menuaikan dengan peruntukan-peruntukan perenggan (i) atau (ii) dalam Undang-undang Kecil ini, Pengerusi boleh dengan notis yang bertulis mengkehendaki pemegang lesen tersebut atau pemegang gerai dalam masa yang ditentukan di dalamnya mengambil langkah-langkah yang tertentu di mana Pengerusi fikirkan patut untuk tujuan menuaikan dengan peruntukan-peruntukan tersebut.

(iv) Sesiapa yang melanggar mana-mana peruntukan perenggan (i) atau (ii) Undang-undang Kecil ini atau enggan, lalai atau gagal menuaikan dengan mana-mana notis yang dikeluarkan oleh Pengerusi di bawah peruntukan-peruntukan perenggan (iii) dalam masa yang ditentukan di dalamnya adalah melakukan satu kesalahan.

9. Pengerusi boleh membuang atau menyebabkannya dibuang daripada mana-mana pasar samada pasar suwa atau pasar awam sesiapa atau orang gajinya apabila didapati melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini atau kerana membantah mana-mana Undang-undang Kecil yang berkaitan dengan pasar dan boleh mlarang orang tersebut dengan sendirinya atau orang gajinya daripada menjalankan mana-mana perdagangan atau perlakuan di dalam pasar-pasar tersebut atau menduduki mana-mana kedai atau tempat-tempat lain di sana dan boleh menentukan mana-mana pajak atau pemegang di mana orang itu memiliki mana-mana gerai, kedai atau tempat yang lain.

Kuasa untuk membuang orang yang melanggar Peraturan dan menentukan pajak.

10. (i) Sesiapa yang—

(a) membina, mendirikan, menubuhan atau menyelenggarakan atau membenarkannya dibina, didirikan atau ditubuhkan atau diselenggarakan mana-mana dinding, pagar, rel, tiang atau perlungukkan bahan-bahan yang lain atau gangguan lain di dalam mana-mana tempat awam;

(b) tanpa kebenaran Pengerusi menutup atau menghalang mana-mana parit terbuka, betong atau akuadak di sepanjang tepi mana-mana lebuh;

(c) menyimpan atau menyebabkannya disimpan mana-mana kotak, bale atau bungkus barang-barang perdagangan perkakas, pinggan manguk atau bahan-bahan lain atau benda-benda lain di dalam mana-mana tempat awam untuk masa yang lebih lama untuk memuatkan atau memunggahkan barang-barang perdagangan atau barang-barang;

(d) menyimpan atau menyebabkan disimpan mana-mana barang jualan, benda-benda yang digunakan untuk atau berkaitan dengan perdagangan di dalam mana-mana tempat awam;

(e) menyimpan atau menyebabkannya disimpan kayu balak, besi buruk, kenderaan yang tertinggal atau mana-mana bahagian-nya, benda yang tidak berguna atau benda-benda lain atau barang-barang lain di dalam mana-mana tempat awam;

- (f) menyimpan atau menyebabkannya disimpan sampah-sarap kebun, sampah-sarap dapur atau sampah-sarap perdagangan atau mana-mana benda atau barang-barang di dalam mana-mana tempat awam; atau  
 (g) menyebabkan atau membenarkan mana-mana kenderaan untuk berhevi di mana-mana siarkaki  
 adalah melakukan satu kesalahan.

**Anggapan.**

(ii) Apabila didapati di dalam mana-mana kes bahawa barang-barang atau benda-benda disimpan di atau ke atas mana-mana tempat awam daripada mana-mana bangunan atau tanah yang bertentangan dengan Undang-undang Kecil ini, adalah dianggap bahawa kesalahan itu dilakukan oleh atau dengan kebenaran penghuni bangunan atau tanah tersebut.

**Kuasa untuk memindahkan gangguan.**

- (iii) (a) Pengurus boleh menyebabkan mana-mana gangguan dipindahkan atau boleh dengan sendirinya melalui kakitangannya memindahkannya kepada tempat yang sesuai, ditinggalkan di sana atas tanggungan pemunya dan orang yang melakukan kesalahan itu dan boleh menahannya sehingga perbelanjaan untuk memindahkan dan menahannya dibayar;  
 (b) Pengurus mestilah mengesahkan perbelanjaan tersebut kepada pemunya atau orang yang melakukan kesalahan itu dan sijil Pengurus adalah bukti yang muktamad kepada jumlah yang dihutang;  
 (c) Jumlah tersebut hendaklah dianggap sebagai hutang kepada Lembaga.

(iv) Tidak ada apa-apa di dalamnya yang akan menghalang Pengurus daripada membenarkan mana-mana pembinaan sementara di dalam mana-mana tempat awam pada masa perayaan dan upacara.

**Denda**

11. Sesiapa yang melanggar mana-mana Undang-undang Kecil ini atau mana-mana peraturan atau syarat di bawahnya akan dikenakan denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit atau dalam kes melakukan kesalahan yang berturut-turut denda sebanyak dua puluh lima ringgit untuk tiap-tiap hari semasa kesalahan itu diteruskan.

**Kuasa Mahkamah untuk Mendapatkan gambar**

12. Mahkamah Mejisteret boleh, setelah mentahbitkan sesiapapun untuk mana-mana kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini, memrintahkan gambar-gambar diambil oleh mana-mana jurugambar. Gambar tersebut itu boleh disimpan dan boleh dipertunjukkan di dalam mana-mana mahkamah untuk menentukan pengenalan ke atas thabitan yang kemudiannya.

Bertarikh pada 14hb Julai, 1976.

[PSUK/PP/16881/Bah. I; LPKT: SP/10/1-65/26;  
 PU/PP/1126 Pt. 3.]

WONG HIN FATT,  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaun,*  
*Pulau Pinang*

**JADUAL**

- (1) Bandar Butterworth sebagaimana yang ditafsirkan di dalam Jadual Kedua (Bahagian II) P. PG. PU. 21 bertarikh 30hb Mac, 61.
- (2) Bandar Bukit Mertajam sebagaimana yang ditafsirkan di dalam Jadual Kedua (Bahagian II) P. PG. PU. 22 bertarikh 30hb Mac, 61.
- (3) Lengkungan Perkampungan Nibong Tebal—Perkampungan yang diwartakan sebagaimana yang terdapat di dalam Jadual Kedua (Bahagian II) P. PG. G.N. 33/54 sepetimana yang dipindahkan melalui P. PG. PU. 47 bertarikh 30hb Mac, 61.